

JANGAN BERBICARA TANPA ILMU

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Islam adalah agama yang sempurna, yang mengajak umatnya untuk berbicara berlandaskan ilmu dan kebenaran. Islam melarang seorang muslim yang berbicara tanpa ilmu kerana itu adalah merupakan kesalahan yang sangat berbahaya apabila berbicara berkaitan masalah agama tanpa ilmu dari Allah Subhanahu wa-Taala dan Nabi-Nya. Sejak akhir-akhir ini kita mendengar akan suara-suara sumbang yang seolah-olah menghina, memburuk-burukkan seseorang tanpa maklumat yang sebenarnya. Malah ada dalam kalangan kita berbicara tidak berlandaskan kepada ilmu mahupun hujah. Ini termasuklah memperlekeh institusi Raja-Raja Melayu. Ada juga dalam kalangan kita yang sanggup berkata dengan ucapan, “Malaikat pun buat silap”, hukum hudud tidak sesuai dalam masyarakat majmuk, penolakan RUU 355 dan berbagai lagi ungkapan yang diucapkan tanpa pengetahuan yang sebenarnya.

Sebagai umat Islam, kita dilarang berbicara berkaitan agama tanpa ilmu sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-A'raf ayat 33:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا
بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا نَعْمُونَ ﴿٣٣﴾

Yang bermaksud: *“Katakanlah: “Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi, perbuatan dosa dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar dan (diharamkannya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Ingatlah bahawa berbicara tanpa ilmu boleh merosakkan akidah seperti mengatakan, “undang-undang Islam tidak sesuai pada zaman moden ini”, kerana undang-undang Islam adalah hukum syarak yang datangnya daripada al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesungguhnya kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah pada akhirat nanti akan apa yang kita ucapkan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah Qaf ayat 18.

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Yang bermaksud: *“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat yang sentiasa sedia (mencatatnya).”*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Ingatlah bahawa berbicara tentang Allah tanpa ilmu merupakan kesesatan yang nyata dan sikap yang mengikut hawa nafsu. Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Qasas ayat 50:

فَإِنْ لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَاءَهُمْ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوَاهُ
بِغَيْرِ هُدًى مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٠﴾

Yang bermaksud: “Maka jika mereka tidak dapat menerima cabaranmu ketahuilah, sesungguhnya mereka hanyalah menurut hawa nafsu. Tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan petunjuk daripada Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi bimbingan kepada kaum yang zalim.”

Ini adalah kerana sifat Muslim yang baik, menjaga bicara dan memeliharanya agar berpandukan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW tanpa mereka-reka sesuatu perkara tanpa petunjuk.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Hanya manusia yang beriman kepada Allah Subhanahu wa-Taala dan Hari Akhirat yang berbicara dengan ilmu dan kata-kata yang baik. Ini dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Yang bermaksud: “Dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka berkatalah dengan kata-kata yang baik atau diam.”

Hadis ini memberi pengajaran bagi umat Islam agar berkata-kata yang baik seperti berkata benar, bahasa yang sopan, tidak menghina, tidak menipu, tidak

menyakitkan hati orang dan tutur kata bersandarkan al-Quran dan Sunnah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Hujurat ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) kemungkinan puak lelaki yang dicemuhkan itu lebih baik dari mereka. Jangan pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan kaum perempuan yang lain, kerana kemungkinan puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka. Jangan setengah kamu mengatakan keaiban setengahnya yang lain dan janganlah pula kamu memanggil-manggil antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk (larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka amatlah buruk sebutan gelaran nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. (Ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim.”

Kita hendaklah memainkan peranan terbaik dengan bercakap berdasarkan ilmu yang tepat dan mengelakkan percakapan yang boleh mendatangkan fitnah, keburukan dan merendahkan orang lain kerana segala perbuatan manusia akan dihisab di Hari Akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Ghafir ayat 17:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ لَا ظَلَمَ الْيَوْمَ إِلَٰهٌ إِلَّا اللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud:” Dan hari ini tiap-tiap diri dibalas dengan apa yang telah diusahakan. Tidak ada hukuman yang zalim pada hari ini. Sesungguhnya Allah Maha cepat hitungan hisabnya.”

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.